

Olimpiad Linguistik Asia Pasifik Kedua

27 September 2020

Soalan

- Dengar dan ikut arahan pegawai pertandingan.
- Pertandingan ini berlangsung selama lima jam. Set soalan mengandungi enam halaman dan lima soalan. Anda boleh menyelesaikan soalan dengan sebarang cara.
- Anda tidak dibenarkan menggunakan sebarang peranti elektronik, bahan bertulis atau bercetak, atau sumber informasi luaran lain ketika pertandingan.
- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang soalan, angkat tangan anda dan tanyakan kepada pengawas pertandingan. Pengawas pertandingan akan merujuk kepada juri sebelum menjawab.
- Syarat untuk menulis jawapan
 - Jangan ulang semula pernyataan dalam soalan.
 - Tuliskan jawapan kepada setiap soalan menggunakan helaian kertas berbeza.
 - Gunakan hanya muka hadapan kertas jawapan.
 - Pada setiap helaian kertas, tuliskan nama anda, nombor soalan, dan turutan halaman untuk soalan tersebut, contohnya:

Nama	...
Soalan #	5
Halaman #	1 / 3

Nama	...
Soalan #	5
Halaman #	2 / 3

Nama	...
Soalan #	5
Halaman #	3 / 3

(bermaksud helaian pertama, kedua, dan ketiga, dari tiga helaian untuk soalan kelima.)

Jika tidak, hasil kerja anda mungkin akan tersisih atau terpisah.

- Jawapan-jawapan anda mesti disokong dengan hujah. Jawapan yang betul tetap akan diberi markah yang rendah kecuali disertakan dengan penerangan.

Soalan-soalan pertandingan mestilah tidak dihebahkan sehingga soalan-soalan tersebut dipaparkan dalam laman rasmi APLO <https://aplo.asia>. Jangan hebahkan atau bincangkan soalan-soalan secara atas talian sehingga tarikh tersebut.

Soalan 1 (20 markah). Berikut ialah beberapa frasa yang ditutur oleh dua penutur bahasa Iaaï dan terjemahan bahasa Malaysia dalam susunan rambang.

Penutur 1 (lelaki, 50 tahun)

- | | |
|-----------------------------|------------------------------------|
| 1. hoom hu | a. <i>kamu punya api</i> |
| 2. belem mââng | b. <i>saya punya air</i> |
| 3. waau haalee Aiawa | c. <i>saya punya bas</i> |
| 4. uutap taben than | d. <i>kamu punya mangga (buah)</i> |
| 5. tabik kar | e. <i>kamu punya kapal</i> |
| 6. anyik sawakiny | f. <i>ketua suku punya kerusi</i> |
| 7. anyim meic | g. <i>saya punya rantai</i> |
| 8. belik köïö | h. <i>Aiawa punya kucing</i> |

Penutur 2 (lelaki, 12 tahun)

- | | |
|---------------------------|--------------------------------|
| 9. belen koka | i. <i>kamu punya kambing</i> |
| 10. anyik tang | j. <i>dia punya keladi</i> |
| 11. anyim karopëë | k. <i>Kua punya ibu</i> |
| 12. haaleem nani | l. <i>dia punya tembikai</i> |
| 13. an koko | m. <i>dia punya kereta</i> |
| 14. hinyö anyi Kua | n. <i>saya punya bakul</i> |
| 15. belik nu | o. <i>dia punya Coke</i> |
| 16. anyin loto | p. <i>saya punya kelapa</i> |
| 17. an waajem | q. <i>kamu punya kanu kayu</i> |

(a) Untuk setiap penutur, tentukan padanan yang betul.

(b) Terjemahkan kepada bahasa Malaysia:

18. **belem waajem**
19. **karopëë hoon hinyö**

Nyatakan sebarang makna tersirat yang berbeza dari terjemahan biasa.

(c) Di bawah ialah beberapa perkataan bahasa Malaysia dan terjemahan bahasa Iaaï:

anjing = **kuli** *teh* = **trii** *perahu* = **ok**

Terjemahkan kepada bahasa Iaaï dalam semua cara yang mungkin:

- r. *kucing punya teh*
s. *Kua punya kelapa*
t. *dia punya perahu*
u. *saya punya anjing*

△ Bahasa Iaaï adalah tergolong dalam rumpun bahasa Austronesia. Ia ditutur oleh kira-kira 4,000 orang di dalam Ouvéa Island, New Caledonia.

â, ë dan ö ialah huruf-huruf vokal.

Kanu kayu ialah sejenis perahu panjang dan kurus yang diperbuat dari batang pokok. Ubi keladi ialah sejenis sayuran berkanji, hampir sama dengan ubi keledak. Coke ialah sejenis minuman bergas yang dijual serata dunia oleh The Coca-Cola Company, sebuah syarikat multinasional Amerika. Aiawa dan Kua ialah nama-nama orang.

—Rujul Gandhi

Soalan 2 (20 markah). Berikut ialah beberapa ayat dalam bahasa Walman dan terjemahannya yang mungkin dalam bahasa Malaysia :

- | | |
|---|--|
| 1. <i>Runon nchklwaro chim.</i> | <i>Dia (m) telah menipu kamu semua.</i> |
| 2. <i>Ri ypa kaypu wuel.</i> | <i>Mereka dan saya telah membunuh khinzir-khinzir itu.</i> |
| 3. <i>Chuto wpa ketiki wuel.</i> | <i>Perempuan itu dan saya telah memasak khinzir itu (f).</i> |
| 4. <i>Ru wklwaroy nyue waroy muen.</i> | <i>Dia (f) telah menipu ibu itu dan abang-abang itu.</i> |
| 5. <i>Ru weytiki wuel laroy ngolu.</i> | <i>Dia (f) telah memasak anak khinzir itu dan burung-burung kasuari itu.</i> |
| 6. <i>Chi npaltawro kum.</i> | <i>Kamu telah menjaga saya.</i> |
| 7. <i>Mue waron muen ypaltawro kipin.</i> | <i>Kakak atau adik perempuan itu dan abang itu telah menjaga kita.</i> |
| 8. <i>Muen ncha chentiki ngolu.</i> | <i>Abang itu dan kamu telah memasak burung kasuari itu (m).</i> |
| 9. <i>Runon naron yeteren muen.</i> | <i>Mereka berdua (m) telah melihat abang itu.</i> |
| 10. <i>Kum maro chu kaltawro pelen.</i> | <i>Saya dan isteri itu telah menjaga anjing itu (f).</i> |
| 11. <i>Kum meterey pelen laron wuel.</i> | <i>Saya telah melihat anak anjing itu dan khinzir itu (m).</i> |
| 12. <i>Ngan naron na yanpu pelen.</i> | <i>Ayah itu dan anak itu telah membunuh anjing itu (m).</i> |
| 13. <i>Nyue wchaltawro chi.</i> | <i>Ibu itu telah menjaga kamu.</i> |
| 14. <i>Chim charo chklwaro ru.</i> | <i>Kamu semua dan dia (f) telah menipu dia (f).</i> |
| 15. <i>Ri ypapu kipin.</i> | <i>Mereka telah membunuh kita.</i> |

(a) Terjemahkan kepada bahasa Malaysia dalam semua cara yang mungkin:

16. *Ru waro ypapu kum.*
17. *Na ycha chaltawro chu.*
18. *Chi npa kaltawroy chu.*
19. *Kum meltiki ngolu.*
20. *Kipin karon ngan kanpu wuel.*

(b) Terjemahkan kepada bahasa Walman:

21. *Kamu dan dia (m) telah membunuh burung kasuari itu (f).*
22. *Anak khinzir itu telah melihat mereka berdua (m + f).*
23. *Ayah itu telah menjaga saya dan anak anjing itu.*
24. *Anak-anak itu dan dia (f) telah membunuh kamu.*
25. *Saya dan kamu semua telah memasak anak khinzir itu.*

△ Bahasa Walman adalah tergolong dalam rumpun bahasa Torricelli. Ia dituturkan oleh kira-kira 1,700 orang di dalam Papua New Guinea.

w, *y* dan *ch* ialah huruf-huruf konsonan.


Burung kasuari adalah sejenis burung yang tidak boleh terbang dan berasal dari hutan tropika New Guinea dan timur laut Australia.

f = feminin, *m* = maskulin.

—Samuel Ahmed

Soalan 3 (20 markah). Berikut ialah beberapa perkataan dalam bahasa Koyra Chiini dan terjemahan bahasa Malaysia dalam susunan rambang:

- | | |
|----------------------|-----------------------------|
| 1. baani | A. <i>biji akasia</i> |
| 2. baaniije | B. <i>buah akasia</i> |
| 3. ganda | C. <i>biji benih baobab</i> |
| 4. gandakorfo | D. <i>pokok baobab</i> |
| 5. ije | E. <i>mood tidak baik</i> |
| 6. konno | F. <i>berusia</i> |
| 7. koojje | G. <i>kanak-kanak</i> |
| 8. koopja | H. <i>usia yang lanjut</i> |
| 9. koyrajje | I. <i>tanah</i> |
| 10. jeeno | J. <i>ular</i> |
| 11. jeeney | K. <i>penduduk pekan</i> |
| 12. mookonney | L. <i>ibu</i> |
| 13. jnaa | M. <i>kesejukan</i> |
| 14. wangu | N. <i>panas</i> |
| 15. yeeney | O. <i>tentera</i> |



(a) Perkataan **moo** bermaksud *mata*. Tentukan padanan yang betul.

(b) Perkataan **tongotonjo** bermaksud *busur*. Terjemahkan kepada bahasa Malaysia:

baanipa, koyra, tongotonjoije, wangiije, yeeno

(c) Perkataan **baasu** bermaksud *perigi*. Terjemahkan kepada bahasa Koyra Chiini:

buah baobab, ketenangan, haba, tali, pencedok air

(!) Penjelasan tambahan selain jawapan-jawapan adalah tidak diperlukan dan tidak akan ditanda.

△ Bahasa Koyra Chiini adalah tergolong dalam rumpun bahasa Songhay. Ia dituturkan oleh kira-kira 200,000 orang di dalam Mali.

j = *j* dalam '*jalan*'. **y** = *y* dalam '*yakin*'. **ŋ** dan **ɲ** ialah huruf-huruf konsonan. Huruf berganda bermaksud panjang.

Pencedok air ialah sebuah beg getah yang dijatuhkan ke dalam air, untuk dipenuhi dan kemudiannya ditarik.

—Jaeyeong Yang

Soalan 4 (20 markah). Berikut ialah beberapa perkataan dalam bahasa Tübatulabal dan terjemahan bahasa Malaysia. Tanda ´ dan ` pada huruf vokal masing-masing menandakan tekanan utama dan tekanan sekunder, pada suku kata yang mengandungi vokal tersebut.

1. **ʔaʔà:zowá:l** *dukun-dukun itu*
2. **nìxnaná:k** *ditemankan oleh*
3. **pàŋhamát** *tempat persembunyian daun pokok willow*
4. **tabì:tlaláh** *(sejenis burung yang boleh menyanyi)*
5. **ʔìndìnà:wai** *beli*
6. **halí:l** *Ahad*
7. **wàhcipí:l** *kasut mokasin itu*
8. **naŋgàwiliʔ** *di subang telinga*

Di bawah adalah perkataan-perkataan lain dalam bahasa Tübatulabal dengan semua 24 tanda nada dihilangkan.

9. **ʔamaŋatal** *sesiapa*
10. **ʔa:ha:ži:biʔ** *mengunyah semula mamahan*
11. **na:bunziya** *lapan*
12. **pi:ʔišt** *buah beri*
13. **wohombo:l** *pokok ponderosa pain itu*
14. **na:widami** *di tengah-tengah*
15. **nìmbungul** *orang miskin itu*
16. **ca:ya:u** *jerit*
17. **ʔalalalibič** *nipis*

Letakkan tanda-tanda nada yang hilang pada (9–17), pastikan tekanan utama dan tekanan sekunder diletakkan dengan betul.

△ Bahasa Tübatulabal adalah bahasa Uto-Aztecan yang dituturkan di Kern County, California, Amerika Syarikat oleh orang-orang Tübatulabal. Ianya kini telah pupus.

č, ŋ, š, ž, ẓ̌ dan ʔ ialah huruf-huruf konsonan. ị ialah huruf vokal. : bermaksud vokal panjang.

Tempat persembunyian daun pokok willow ialah sebuah tempat persembunyian yang digunakan untuk memburu burung.
—Rujul Gandhi, Shardul Chiplunkar

Soalan 5 (20 markah). Berikut ialah beberapa bentuk kata kerja dalam bahasa Mantauran dan terjemahan bahasa Malaysia.

<i>'ialroholrao</i>	<i>Saya angkat ia.</i>
<i>'iamece</i>	<i>Ia bawa ia.</i>
<i>'ika'acelraimia'e</i>	<i>Saya gigit kamu.</i>
<i>'ika'amadhelraimia'e</i>	<i>Saya benci kamu.</i>
<i>'ikadhalamemi'iae</i>	<i>Kamu sayangi saya.</i>
<i>'ikadhangelrao</i>	<i>Saya tendang ia.</i>
<i>'ikelrakelrangimia'e</i>	<i>Ia kalahkan kamu.</i>
<i>iciva</i>	<i>Panggang ia!</i>
<i>ma'amadha</i>	<i>Benci ia!</i>
<i>madhalamelraimia'e</i>	<i>Saya sayang kamu.</i>
<i>maopongomi'iae</i>	<i>Kamu ganggu saya.</i>
<i>oalroho</i>	<i>Ia angkat ia.</i>
<i>omeca</i>	<i>Bawa ia!</i>
<i>ocengeliae</i>	<i>Ia nampak saya.</i>
<i>ocengelemi'iae</i>	<i>Kamu nampak saya.</i>
<i>odhapelelrao</i>	<i>Saya pancing ia (tangkap ikan dengan racun).</i>
<i>oicivilrao</i>	<i>Saya panggang ia.</i>
<i>okadhange</i>	<i>Ia tendang ia.</i>
<i>okadhangelrao</i>	<i>Saya tendang ia.</i>
<i>okane</i>	<i>Ia makan ia.</i>
<i>okelrakelrangelrao</i>	<i>Saya kalahkan ia.</i>
<i>olroha</i>	<i>Angkat ia!</i>

(a) Terjemahkan kepada bahasa Malaysia: (b) Terjemahkan kepada bahasa Mantauran:

- | | |
|------------------------------|----------------------------|
| 1. <i>dhopela</i> | 6. <i>Ia nampak ia.</i> |
| 2. <i>madhalama</i> | 7. <i>Ia angkat saya.</i> |
| 3. <i>'icengelelraimia'e</i> | 8. <i>Makan ia!</i> |
| 4. <i>ma'amadhiae</i> | 9. <i>Kamu gigit saya.</i> |
| 5. <i>'ikaopongimia'e</i> | 10. <i>Ganggu ia!</i> |

△ Mantauran adalah dialek bahasa Rukai, iaitu sebuah bahasa Formosa. Ia dituturkan di dalam Kaohsiung, Taiwan. Mantauran adalah bahasa yang paling terancam di antara enam dialek Rukai, dengan hanya beberapa warga tua yang dianggap fasih.

dh, lr, ' ialah huruf-huruf konsonan.

—Yung-Jui Yao

Editor-editor: Bal Krishna Bal, George Enrique Dueñas, Rujul Gandhi (ketua editor), Shinjini Ghosh, Shen-Chang Huang, Minkyu Kim (editor teknikal), Tsuyoshi Kobayashi, Tamila Krashtan, Yu-Hsuan Lee, Yuyang Liu, Maria Losada, Alexander Piperski, Balaram Prasain, Aalok Sathe, Chih-Chun Wang, Jaeyeong Yang, Yung-Jui Yao, Khairul Anwar Mohamad Zaki.

Teks Bahasa Malaysia: Khairul Anwar Mohamad Zaki.

Selamat Menjawab!